

20/06/1997

Badan khas banteras cetak rompak ditubuh

KUALA LUMPUR, Khamis - Jawatankuasa Bersama Membanteras Cetak Rompak dan Barangan Tiruan ditubuhkan hari ini sebagai langkah penguatkuasaan dalam melindungi hak cipta, bagi menanam keyakinan syarikat multinasional terhadap projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

Jawatankuasa tetap itu dianggotai oleh pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Polis Diraja Malaysia serta Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob ketika mengumumkannya hari ini berkata, penubuhan jawatankuasa itu penting kerana masalah penguatkuasaan hak cipta yang bersangkutan paut dengan MSC kerap menjadi pertanyaan pelabur asing.

Penubuhan itu juga membentuk sokongan dalam menjayakan usaha Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bekerja keras memperkenalkan MSC kepada syarikat asing.

"Secara keseluruhan, kita memang mempunyai undang-undang yang mencukupi merangkumi pelbagai bidang tetapi pada masa yang sama, kita lemah dari segi pelaksanaan," katanya kepada pemberita selepas menerima anugerah 'Paul Harris Fellowship' daripada Kelab Rotary Kuala Lumpur, di sini hari ini.

Anugerah berbentuk medal dan sijil itu disampaikan oleh Presiden kelab itu, Dr Low Bin Tick. Hadir sama ialah Setiausaha Parlimen kementerian, Datuk Tan Chai Ho serta Pengarah Bahagian Antarabangsa kelab itu, Loo Kok Yuen.

Ketika menerima tugas rasmi awal bulan ini, Megat Junid berikrar untuk membanteras jenayah komersil termasuk kemungkinan mengenakan Akta Kediaman Terhadap mereka yang mencampurkan petrol, mencetak rompak, membuat ubat tiruan dan mengadakan jualan murah tanpa permit.

Megat Junid berkata, jawatankuasa itu akan membanteras semua kegiatan cetak rompak membabitkan hak cipta dan pemalsuan cakera. Bagaimanapun, tindakan bersepadu hanya akan dilaksanakan selepas jawatankuasa itu berbincang secara terperinci mengenai bentuk modus operandi.

Menurutnya, jawatankuasa itu juga akan mencari formula baru bagi membanteras penjualan ubat tiruan yang semakin meluas.

"Saya memandang serius perkara ini kerana 40 peratus ubat yang berada di pasaran adalah tiruan dan mereka yang menjadi mangsa ialah penduduk miskin," katanya.

(END)